

Buli masalah sejagat

Kerjasama semua pihak tangani isu sosial daripada parah

AKMALIAH RAZAK

SHAH ALAM - Kes buli menimbulkan suasana tidak selamat kerana hampir setiap hari, sekolah di serata dunia menghadapi masalah disiplin pelajar mereka dan gejala yang berlaku di dalam komuniti ini menimbulkan kebimbangan masyarakat khususnya para ibu bapa.

Tinjauan orang ramai yang dibuat di sekitar Shah Alam mendapati kebanyakan masyarakat memandang serius mengenai isu yang semakin 'mengganas' ini dari hari ke hari.

Kontraktor binaan, Nazri Abdullah berkata, buli adalah satu tradisi penuntut dari pelbagai institusi dan ditukar konsepnya yang dulu dikenali sebagai proses suai kenal.

Katanya, kes buli ini tidak harus dipandang remeh kerana kebanyakannya mengundang pelbagai bahaya dan boleh menyebabkan kematian kepada mangsa.

"Bagi saya, tidak salah mengadakan minggu suai kenal

dalam kalangan pelajar lama dan baru tetapi ianya harus menepati syarat dan peraturan ditetapkan.

"Saya tidak begitu setuju jika minggu orientasi ini dikendalikan oleh pelajar senior kerana pihak sekolah atau institusi harus mengendalikan sendiri program sebegini," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, pihak asrama mahupun institusi berkenaan harus membuat pemantauan berkala agar kes sebegini tidak mengundang rasa tidak selesa di kalangan pelajar.

Katanya, ibu bapa juga harus memainkan peranan dalam memerhatikan anak-anak mereka dan mengawasi pergerakannya di rumah kerana kebanyakan ibu bapa di zaman sekarang terlalu sibuk dengan tugas dan bebanan kerja menyebabkan anak-anak terabai.

Sementara itu, seorang pengendali projek, Razali Ramli berkata, tindakan tegas perlu diambil bagi sesiapa yang terlibat dalam gejala buruk seperti ini.

Menurutnya, pihak sekolah harus memberikan khidmat kaunseling bagi pelajar yang

bermasalah agar mereka dapat memandang sesuatu tindakan yang mereka akan lakukan bercanggah dengan etika sekolah.


Katanya, pelajar sekolah adalah remaja yang mentah dan masih mencari-cari identiti sendiri dan kesalahan yang mereka lakukan tidak mendatangkan kesedaran jika tidak ditegur dan dinasihati.

"Harus kita ingat bahawa pembuli bukanlah penjenayah kerana mereka masih tidak dapat berfikir penuh ketika peringkat awal remaja.

"Mereka harus diberikan pendedahan dan jika perlu, pihak sekolah boleh mencadangkan agar mereka bertukar ke sekolah yang lebih jauh daripada sekolah asal," katanya.

Menurutnya, kebanyakan kejadian buli di sekolah diketahui oleh penjaga asrama (warden) tetapi mereka tidak mengambil berat dan membiarkan kes ini sehingga berlarutan.

Katanya, jika dicegah daripada awal, mungkin perkara sebegini tidak menjadi semakin tragis dan terlalu melampau.



■ Mangsa buli juga memerlukan pembelaan pelbagai pihak. - GAMBAR HIASAN

Semua pihak perlu proaktif

KAUNSELOR Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Md Sehami A. Hamid, kes buli sememangnya sudah lama wujud di sekolah tetapi pada hari ini, ianya semakin menjadi kerana pengaruh peredaran zaman yang semakin pesat.

Katanya, tindakan pembuli ini sebenarnya berkait rapat dengan

membantu pihak sekolah dalam menangani gejala disiplin ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Persatuan Bekas-Bekas Penagih Malaysia (Pengasih) dan Jabatan Penjara.

"Ceramah oleh pihak polis, sedikit sebanyak membantu mengurangkan gejala buli dengan menjadikan organisasi ini sebagai 'Anak-Anak' kepada Balai Polis

pengalaman lepas di mana, sejarah masa kecil atau ketika membesar dan mempunyai latar belakang yang bermasalah seperti pernah dibuli sebelum ini serta dendam yang tidak terbalas.

'Anak Angkat' kepada Balai Polis terdekat akan memperkukuhkan hubungan antara warga organisasi dengan pihak penguat kuasa," katanya.

Kes buli memerlukan perhatian serius

GABUNGAN Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Selangor memandang serius isu disiplin di kalangan pelajar dan ianya dibangkitkan berulang kali oleh pelbagai pihak namun ianya masih tidak dapat diselesaikan.

Pengerusi GPMS Selangor, Mohd Faizal Mohd Salleh berkata, masalah disiplin dalam kalangan pelajar ini perlu dilihat dalam skop yang lebih besar jika ingin diselesaikan.

Katanya, latar belakang keluarga, suasana sekolah dan persekitaran mempengaruhi tindakan pelajar untuk melanggar peraturan yang

ditetapkan. "Perjumpaan berkala antara ibu bapa pelajar dengan pihak bagi memastikan hubungan antara pihak sekolah dan ibu bapa sentiasa terjalin bagi membincangkan prestasi dan disiplin anak-anak mereka di sekolah adalah salah satu langkah untuk mengatasi gejala ini.

"Pertemuan pelajar dengan pihak berkuasa seperti polis dan Agensi Antidadah Kebangsaan perlu diadakan dengan lebih kerap bagi mendapat penjelasan tentang masalah jenayah setempat yang sedang dihadapi

boleh mengadakan kursus yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai potensi yang ada pada diri masing-masing supaya mereka menumpukan sepenuh perhatian untuk berjaya dalam pelajaran," katanya.

"Saya menyambut baik langkah Kementerian Belia dan Sukan sebelum ini untuk memperkenalkan program Rakan Muda pada peringkat sekolah sebagai satu cabang baru dalam kokurikulum untuk membolehkan program itu lebih dekat dengan pelajar sekolah.

"Saya amat berharap supaya tindakan segera akan diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan bersama Kementerian Pelajaran supaya pelaksanaannya lebih tersusun kerana langkah itu ibarat 'melentur buluh biar dari rebungunya', di mana usaha untuk melahirkan generasi muda yang bebas dari gejala sosial bermula di peringkat sekolah lagi.

"Jika golongan ini tidak didekati pada masa peringkat ini, pelajar yang mempunyai pendidikan sempurna akan beraya dengan cemerlang, namun mereka yang kurang cemerlang akan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya," katanya.

"Faktor yang mempengaruhi kes buli ialah masalah disiplin yang merosot di kalangan pelajar, kelemahan peraturan sekolah, sikap tanggungjawab guru terhadap pelajar, sistem sekolah yang mementingkan pencapaian akademik dan mengenyapkan aspek sukan, kokurikulum, pembinaan sahsiah dan kerja berpasukan, kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa serta kurang dihargai di kalangan keluarga," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, pembentukan akhlak mulia penting kerana akhlak terbentuk dalam jiwa dan dimanifestasikan melalui perbuatan. Jika akhlak baik, perbuatan juga akan baik, dan sebaliknya.

Katanya, selain memberi kesedaran dan didikan di bilik darjah, pendidikan luaran melalui kempen, ceramah dan motivasi perlu dilaksanakan untuk memberikan pengukuhan kepada pelajar. Penglibatan masyarakat dan organisasi luar juga penting untuk bertindak secara kolektif bagi menangani gejala ini," katanya.

"Antara organisasi yang boleh

Menurut Seahimi, Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah, khususnya kaunselor berperanan aktif membantu pengurusan sekolah menangani masalah disiplin dan sebagai pembimbing profesional, mereka mempunyai tugas membimbing pelajar bukan sahaja menyelesaikan masalah, tetapi juga membentuk iklim sekolah yang tidak bermasalah.

Katanya, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Briged Komuniti yang terdiri daripada ketua jabatan dan organisasi berdekatan seperti Ketua Polis Balai, Pengarah Pusat Kesihatan, Penolong Pegawai Daerah, dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampong turut serta aktif membantu menanganinya.

"Warga pendidik diingatkan supaya meletakkan peraturan pendidikan ditetapkan sebagai asas pertimbangan sebelum mengambil sesuatu tindakan, khususnya berkaitan disiplin.

"Ini penting bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dengan ibu bapa yang menyebabkan guru diseret ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman di bawah kanun keseksaan," katanya.

dan kesannya kepada pelajar," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Menurutnya, langkah mewujudkan kumpulan pemantau antara guru, ibu bapa, pihak polis dan pelajar bagi memastikan pelajar sentiasa dikawal adalah tindakan bijak.

Katanya, kita juga



Gejala buli dalam kalangan remaja memerlukan kerjasama semua pihak mencari jalan penyelesaian. - GAMBAR HIASAN